



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK: 100-6/1/18 (27)
Tarikh : 25 Julai 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 2019: PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANDU DAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TEKNIKAL KESELAMATAN KEBAKARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, bersama-sama ini disertakan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2019 yang bertajuk **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2019: Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.**

3. Arahan ini bertujuan untuk menentukan penubuhan beberapa jawatankuasa (JK) serta tanggungjawab dan bidang kuasa setiap JK berkenaan dalam menentukan dasar, peraturan, arahan serta garis panduan yang berkaitan keselamatan kebakaran.

4. Sehubungan dengan itu, semua proses menentukan dasar, peraturan, arahan serta garis panduan yang berkaitan keselamatan kebakaran perlulah berdasarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

- YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi)
- YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Pembangunan)



PP Ball
Tindakan
Selanjutnya. 24/19/18

An. Azhar
Arahan ke semua Bhp.
dan zon.

KCPBa
Tindakan selanjutnya.
T 20.8



SENARAI EDARAN

Ibu Pejabat JBPM

YS Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran

YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

YS Pengarah, Bahagian Pembangunan

YS Pengarah, Bahagian Latihan

YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat

JBPM Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P. Kuala Lumpur

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang



YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

Semua YS Pemerintah Pangkalan UBPM

Semua YS Komandan FRAM

Semua Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran

Semua Ketua Zon

Semua Ketua Balai



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 3 TAHUN 2019

PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANDU DAN JAWATANKUASA- JAWATANKUASA TEKNIKAL KESELAMATAN KEBAKARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PENDAHULUAN

1. Perkembangan pembangunan dan teknologi yang semakin pesat seperti evolusi bangunan-bangunan pencakar langit disamping pelbagai industri, maka Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) perlulah berada di atas landasan yang seiring dengan perkembangan global. Oleh itu, JBPM senantiasa memastikan semua arahan dan peraturan yang berkaitan dengan pembangunan semasa dikaji, dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa bertepatan dengan objektif dan strategi JBPM.
2. Penubuhan jawatankuasa ini adalah bertepatan dalam menentukan dasar dan strategi keselamatan kebakaran yang relevan dan efisien. Penglibatan bersama

TERHAD

agensi luar, badan professional, persatuan pengguna, ahli akademik dan *Fire Safety Players* amat penting dalam mendapatkan pandangan dan input bagi menentukan objektif dan halatuju berkaitan keselamatan kebakaran JBPM mampu dicapai.

TUJUAN

3. Perintah tetap ini bertujuan untuk menentukan penubuhan beberapa jawatankuasa (JK) serta tanggungjawab dan bidang kuasa setiap JK berkenaan dalam menentukan dasar, peraturan, arahan serta garis panduan yang berkaitan keselamatan kebakaran. Secara umumnya tujuan JK ini bagi melaksanakan perkara-perkara berikut:-

- i) Menentukan dasar dan strategik keselamatan kebakaran.
- ii) Membuat analisa ke atas Perintah Tetap, *Standard-standard* bagi menentukan kesesuaian dan praktikal dengan tugas yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran.
- iii) Memutuskan keperluan dan kelulusan berkaitan pemasangan keselamatan kebakaran.

TAFSIRAN

Bagi tujuan perintah tetap ini, berikut adalah beberapa tafsiran dan ringkasan:

Principal Submitting Person (PSP) ertinya orang yang berkeelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak Berkuasa Tempatan untuk kelulusan Undang-undang Kecil dan termasuklah mana-mana orang yang berkeelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkeelayakan yang pertama disebut itu mengikut Undang-undang Kecil 7.

Submitting Person (SP) ertinya seseorang Arkitek Profesional, Jurutera Profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya.

TERHAD

PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN

4. Dalam menentukan dasar dan halatuju Keselamatan Kebakaran JBPM berjalan lancar dan bersistematik, terdapat lima (5) peringkat Jawatankuasa yang telah ditetapkan.

4.1 Jawatankuasa Pemandu Keselamatan Kebakaran

4.1.1. Keanggotaan JK

Pengerusi	:	YAS Ketua Pengarah
Timbalan Pengerusi	:	YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) (TKPO)
Urusetia	:	Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan (SPKB)

Keahlian:

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) (TKPP)
- 2) YS Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran (BKK)
- 3) YS Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat (BOKP)
- 4) YS Pengarah Bahagian Latihan (BL)
- 5) YS Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran (BPK)
- 6) YS Pengarah Perancangan & Penyelidikan (BPP)
- 7) YS Pengarah Bahagian Pembangunan (BP)
- 8) YS Pengarah Bahagian Udara (BU)
- 9) YS Pengarah Bahagian Korporat (BK)
- 10) Ketua Seksyen Penguatkuasaan Bangunan (SPB)
- 11) Ketua Unit Intergriti (UI)
- 12) Ex-officio – mana-mana pihak yang diperlukan untuk membantu jawatankuasa membuat keputusan dalam sesuatu isu atau cadangan.

4.1.2 Tanggungjawab

- a) Menentukan dasar keselamatan kebakaran JBPM.

TERHAD

- b) Memperakukan peraturan dan garis panduan berkaitan keselamatan kebakaran.
- c) Membuat keputusan ke atas isu-isu teknikal keselamatan kebakaran.
- d) Membuat keputusan ke atas kajian dan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran.
- e) Menentukan mekanisme bagi mengawalselia ke atas PSP, SP, *Fire Contractor*, pembuat dan pembekal produk pemasangan keselamatan kebakaran (PKK).
- f) Menetapkan kaedah kawalan ke atas produk PKK.
- g) Menetapkan kerjasama teknikal dengan agensi penguji dan kawalan.
- h) Akreditasi kepada badan-badan penguji dan persijilan produk PKK dalam dan luar negara.
- i) Menetapkan piawaian keselamatan kebakaran yang digunapakai oleh JBPM.
- j) Membuat keputusan dan menetapkan dasar ke atas cadangan program kesedaran awam yang sedia ada dan baharu
- k) Membuat keputusan dan menetapkan peraturan bagi tujuan mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

4.1.3 Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

TERHAD

4.1.4 Keputusan Mesyuarat

- i. Bagi isu cadangan yang memerlukan keputusan dibuat, ianya perlu dilaksanakan secara undian.
- ii. Keputusan ditentukan berdasarkan majoriti ahli.
- iii. pengerusi mempunyai kuasa pemutus sekiranya keputusan ahli yang bersetuju dan tidak bersetuju adalah sama.

4.1.5 Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun.

4.2 Majlis Perundingan bersama Profesional

4.2.1. Peringkat Ibu Pejabat JBPM

4.2.1.1. Keanggotan JK

Pengerusi : YAS Ketua Pengarah
Timbalan Pengerusi : YAS TKPO
Urusetia : YS Pengarah BKK

Keahlian:

- 1) YAS TKPP
- 2) YS Pengarah BOKP
- 3) YS Pengarah BL
- 4) YS Pengarah BPK
- 5) YS Pengarah BPP
- 6) YS Pengarah BP
- 7) YS Pengarah BK
- 8) YS Pengarah BU
- 9) Ketua SPKB
- 10) Ketua SPB

Jabatan Kerajaan

- 11) Jabatan *Standard* Malaysia
- 12) Jabatan Kerja Raya (JKR)
- 13) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)
- 14) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Badan Profesional

- 15) *Board of Engineering* Malaysia (BEM)
- 16) Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
- 17) Persatuan Arkitek Malaysia (PAM)
- 18) *Institute of Engineering* Malaysia (IEM)
- 19) *Association of Consulting Engineers* Malaysia (ACEM)
- 20) *Institute of Fire Engineers* (IFE)

Akademik

- 21) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
- 22) Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Wakil Utama Industri/Lain-lain

- 23) *Malaysian Fire Protection Association* (MFPA)
- 24) *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM)
- 25) Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM)
- 26) *Real Estate & Housing Developers Association* (REHDA)

4.2.1.2. Tanggungjawab

- a) Mengambil maklum tentang keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu.
- b) Mendapatkan maklumbalas berkaitan isu-isu teknikal berkaitan dengan keperluan keselamatan kebakaran.
- c) Memberi maklumbalas atas cadangan penetapan kawalan JBPM ke atas *Fire Safety Industry Player*

seperti PSP, SP, *Fire Safety Contractor*, pengedar dan pengilang produk keselamatan kebakaran.

- d) Membuat kajian dan cadangan menetapkan kaedah kawalan dan perluasan kawalan ke atas produk-produk keselamatan kebakaran yang perlu diberi perakuan bahan.
- e) Membuat kajian dan cadangan pengiktirafan kepada badan-badan penguji keselamatan kebakaran dalam dan luar negara.
- f) Membuat kajian dan cadangan menetapkan piawaian keselamatan kebakaran yang boleh diterima dan digunapakai oleh JBPM.

4.2.1.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

4.2.1.4. Kekerapan mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

TERHAD

4.2.2. Peringkat Negeri

4.2.2.1. Keanggotan JK

Pengerusi : YS Pengarah Negeri
Timbalan Pengerusi : Timbalan Pengarah Negeri
Urusetia : Ketua Cawangan Perakuan Bangunar
(CPBa)

Keahlian:

- 1) Penolong Pengarah Negeri BOKP
- 2) Penolong Pengarah Negeri BKK
- 3) Penolong Pengarah Negeri BPK
- 4) Penolong Pengarah Negeri BL
- 5) Ketua Cawangan Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan (CPKB)
- 6) Ketua Cawangan Program Kesedaran Keselamatan Awam (CPKKA)

Jabatan Kerajaan

- 7) Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri

Badan Profesional (Cawangan Negeri)

- 8) Persatuan Arkitek Malaysia (PAM)
- 9) *Institute of Engineering Malaysia* (IEM)

Wakil Utama Industry/Lain-lain

- 10) *Malaysian Fire Protection* (MFPA)
- 11) *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM)
Negeri
- 12) *Real Estate & Housing Developers Association*
(REHDA) Negeri

4.2.2.2. Tanggungjawab

- a) Mengambil maklum tentang keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu dan majlis Perundingan peringkat Ibu Pejabat.

- b) Melaksanakan kawalan di peringkat Negeri ke atas *Fire Safety Industry Player* seperti *Principle Submitting Person* (PSP), *Submitting Person* (SP), *Fire Contractor*, pengedar dan pengilang produk keselamatan kebakaran.
- c) Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu teknikal berkaitan dengan keperluan PKK di peringkat negeri.
- d) Mengkaji dan mengemukakan cadangan ke atas piawaian luar negara yang mempunyai keperluan untuk digunakan oleh JBPM.
- e) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada peringkat Ibu Pejabat.
- f) Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran.
- g) Menerima dan membuat maklumbalas ke atas isu-isu teknikal berkaitan keselamatan kebakaran di peringkat negeri.

4.2.2.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

4.2.2.4. Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

TERHAD

4.3 Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran

4.3.1. Peringkat Ibu Pejabat JBPM

4.3.1.1. Keanggotan JK

Pengerusi : YS Pengarah BKK
Timbalan Pengerusi : Ketua SPKB
Urusetia : Ketua Cawangan Perakuan
Keselamatan Kebakaran (CPKK)

Keahlian:

- 1) Pengarah BOKP
- 2) Pengarah BPP
- 3) Pengarah BPK
- 4) Pengarah BL
- 5) Ketua SPB
- 6) Ketua Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran (CPBK)
- 7) Ketua Cawangan Perakuan Bomba (CPB)
- 8) Ketua Cawangan Perakuan Pelesenan Bangunan (CPPB)
- 9) Ketua Cawangan Program Keselamatan Kesedaran Awam (CPKKA)
- 10) Ketua Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (CPdKK)
- 11) Ketua Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran (CPiKK)

4.3.1.2. Tanggungjawab

- a) Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu berkaitan dengan keperluan PKK.
- b) Mengkaji dan mengemukakan cadangan ke atas standard atau piawaian luar negara yang

mempunyai keperluan untuk digunapakai oleh JBPM.

- c) Mengambil tindakan ke atas keputusan dan ketetapan JK pemandu.
- d) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada JK pemandu.
- e) Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran.
- f) Merancang, mengkaji dan menyemak program kesedaran awam yang sediaada dan baharu serta mengemukakan cadangan penambahbaikan.
- g) Merancang, mengkaji dan memperluaskan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

4.3.1.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

4.3.1.4. Kekерapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan berdasarkan keperluan semasa.

4.3.2. Peringkat Negeri

4.3.2.1. Keanggotan JK

Pengerusi : YS Pengarah Negeri JBPM
Timbalan Pengerusi : Timbalan Pengarah Negeri
Urusetia : Ketua CPBa

Keahlian:

- 1) Penolong Pengarah Negeri BKK
- 2) Penolong Pengarah Negeri BOKP
- 3) Penolong Pengarah Negeri BPK
- 4) Penolong Pengarah Negeri BL
- 5) Ketua CPKB
- 6) Ketua CPKKA

4.3.2.2. Tanggungjawab

- a) Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu berkaitan keperluan PKK di peringkat negeri.
- b) Mengkaji dan mengemukakan cadangan ke atas standard atau piawaian luar negara yang mempunyai keperluan untuk digunakan oleh JBPM.
- c) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada peringkat Ibu Pejabat.
- d) Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran.

4.3.2.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.

TERHAD

- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

4.3.2.4. Kekerapan mesyuarat

Mesyuarat diadakan berdasarkan keperluan semasa. //

4.4. Jawatankuasa Teknikal Kajian Bahan

4.4.1. Keanggotaan JK

Pengerusi : YS Pengarah BPP
Timbalan Pengerusi : Ketua Cawangan Kajian Operasi Kebombaan
Urusetia : Ketua Cawangan Kajian Pepasangan Keselamatan Kebakaran

Keahlian:

- 1) Ketua Cawangan Kajian Penyelamatan
- 2) Ketua Cawangan Kajian *Fire Behaviour*
- 3) Wakil BOKP
- 4) Wakil BKK
- 5) Wakil BPK
- 6) Wakil BL
- 7) Wakil BP
- 8) Wakil BU

4.4.2. Tanggungjawab

- a) Membuat semakan dan kajian terhadap permohonan kelulusan sistem PKK.

- b) Memperakukan sistem PKK yang memenuhi kriteria ujian yang telah ditetapkan.
- c) Mengkaji dan mengemukakan cadangan ke atas standard atau piawaian luar negara yang mempunyai keperluan untuk diguna pakai oleh JBPM.
- d) Mengambil tindakan ke atas keputusan dan ketetapan JK Pemandu.
- e) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada JK Pemandu.
- f) Mengkaji dan menyemak semula keperluan semakan dan kriteria pertimbangan kelulusan sistem PKK.

4.4.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- iv. Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

4.4.4. Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan setiap dua (2) minggu sekali atau berdasarkan keperluan semasa.

4.5. Jawatankuasa Teknikal Pelan

4.5.1. Peringkat Ibu Pejabat JBPM

4.5.1.1. Keanggotaan JK

Pengerusi : YS Pengarah BKK
Timbalan Pengerusi : Ketua SPKB
Urusetia : Ketua CPKK

Keahlian:

- 1) Ketua SPB
- 2) Ketua CPBK
- 3) Ketua CPB
- 4) Ketua CPPB
- 5) Ketua CPKKA
- 6) Ketua CPdKK
- 7) Ketua CPiKK
- 8) Pegawai-pegawai BKK

4.5.1.2. Tanggungjawab

- i. Melaksanakan proses perakuan pelan arkitektural dan pelan Mekanikal dan Elektrikal bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif mematuhi UBBL 1984 dan Perintah Tetap Jabatan.
- ii. Melaksanakan Perakuan siap dan Pematuhan – *Certificate of Completion & Compliance (CCC)* bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif di bangunan menepati kehendak-kehendak di dalam peruntukan undang-undang dan amalan semasa.
- iii. Menyediakan arahan dan garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan dan pengeluaran surat sokongan berperingkat G8 dan G9.
- iv. Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu berkaitan dengan keperluan PKK.

- v. Mengambil tindakan ke atas keputusan dan ketetapan JK pemandu.
- vi. Mengkaji dan menyemak cadangan projek *Performanced Based* dan *Fire Safety Design Philosophy*.
- vii. Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran

4.5.1.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) orang bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.

4.5.1.4. Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan setiap satu (1) minggu sekali atau berdasarkan keperluan semasa.

4.5.2. Peringkat Negeri

4.5.2.1. Keanggotan JK

Pengerusi	:	YS Pengarah Negeri
Timbalan Pengerusi	:	Timbalan Pengarah Negeri
Urusetia	:	Ketua CPBa

Keahlian:

- i. Penolong Pengarah Negeri BKK
- ii. Ketua CPKB
- iii. Ketua CPKKA
- iv. Pegawai-pegawai BKK Negeri

4.5.2.2. Tanggungjawab

- a) Melaksanakan proses perakuan pelan arkitektural dan pelan Mekanikal dan Elektrikal bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif mematuhi UBBL 1984 dan Perintah Tetap Jabatan di peringkat Negeri.
- b) Melaksanakan Perakuan siap dan Pematuhan – *Certificate of Completion & Compliance* (CCC) bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif di bangunan menepati kehendak-kehendak di dalam peruntukan undang-undang dan amalan semasa peringkat Negeri.
- c) Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu berkaitan dengan keperluan PKK di peringkat Negeri.
- d) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada peringkat Ibu Pejabat.
- e) Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran di peringkat Negeri.

4.5.2.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) orang bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.

4.5.2.4. Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan setiap satu (1) minggu sekali atau berdasarkan keperluan semasa.

4.5.3. Peringkat Zon

4.5.3.1. Keanggotan JK

Pengerusi	:	Ketua Zon
Timbalan Pengerusi	:	Ketua Cawangan BKK
Urusetia	:	Pegawai BKK

Keahlian:

- 1) Ketua Cawangan BPK
- 2) Ketua Balai

4.5.3.2. Tanggungjawab

- a) Melaksanakan proses perakuan pelan arkitektural dan pelan Mekanikal dan Elektrikal bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif mematuhi UBBL 1984 dan Perintah Tetap Jabatan di peringkat Zon.
- b) Melaksanakan Perakuan siap dan Pematuhan – *Certificate of Completion & Compliance* (CCC) bagi memastikan keperluan PKK pasif dan aktif di bangunan menepati kehendak-kehendak di dalam peruntukan undang-undang dan amalan semasa peringkat Zon.
- c) Membuat kajian dan cadangan penyelesaian ke atas isu-isu berkaitan dengan keperluan PKK di peringkat Zon.
- d) Mengkaji dan menyemak isu-isu teknikal untuk dicadangkan kepada peringkat Negeri.
- e) Mengkaji dan menyemak semula keperluan keselamatan kebakaran di peringkat Zon.

TERHAD

4.5.3.3. Kehadiran Mesyuarat

- i. Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- ii. Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga ($\frac{2}{3}$) orang bilangan ahli.
- iii. Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.

4.5.3.4. Kekерapan Mesyuarat

Mesyuarat diadakan setiap satu (1) minggu sekali atau berdasarkan keperluan semasa.

PELAKSANAAN KEPUTUSAN MESYUARAT

5. Minit mesyuarat hendaklah disediakan dalam tempoh seminggu selepas tarikh mesyuarat diadakan.
6. Tindakan terhadap keputusan mesyuarat hendaklah dilaksanakan oleh Ahli-ahli mesyuarat atau mana-mana pihak lain yang telah diberi tanggungjawab melaksanakan sesuatu keputusan mesyuarat termasuk menyediakan Perintah Tetap atau Garis Panduan dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana yang diputuskan dalam mesyuarat.

TARIKH KUATKUASA

7. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan **3 Tahun 2019** ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani.

25/7/2019

PENUTUP

8. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan – arahan lain selain daripada arahan – arahan yang terdapat di dalam Perintah Tetap ini mengikut keperluan dari masa ke semasa. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah Tetap ini, segala aktiviti berkaitannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

TERHAD

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

25 Julai 2019

Salinan kepada

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi).
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan).
- 3) Semua YS Pengarah Bahagian.
- 4) Semua YS Pengarah Bomba Negeri.
- 5) Semua YS Pemerintah Pangkalan UBPM.
- 6) Semua YS Komandan FRAM.
- 7) Semua Penolong Pengarah Negeri Bahagian.
- 8) Semua Ketua Zon.